

Demonstrasi silat: Persisi tak terlibat secara rasmi

PENCAK SILAT
KAMI merujuk surat 'peminat silat' (BH: 15.8.81) berhubung dengan satu demonstrasi seni mempertahankan diri anjuran Persatuan Jurulatih-jurulatih Seni Mempertahankan Diri Singapura Julai lalu.

12 SEP 1981
Untuk pengetahuan masyarakat umum, Persisi tidak diundang untuk mengambil bahagian secara rasmi. Pesilat-pesilat yang mengambil bahagian adalah di luar pengetahuan Persisi.

Kerabat-kerabat yang terlibat tidak juga melaporkan kepada Persisi.

Kami mempunyai satu pasukan olahraga pencak silat khusus untuk semua jenis pertandingan olahraga dengan berbagai kelas.

Kami sebenarnya sedia menerima sebarang undangan pertandingan, sama ada dalam atau di luar negeri, dan kami mempunyai sistem-sistem pertandingan yang khusus.

Perguruan-perguruan yang terlibat ini adalah lebih senang dengan orang lain daripada dikawal oleh Persisi.

Jawatankuasa tertinggi sedang menyiakat dan satu tindakan disiplin akan dikenakan kepada kerabat yang terlibat jika didapati mereka cuba mengabaikan tata-tertib Persisi.

Kami berharap agar semua yang berkenaan, jika mereka memerlukan apa saja jenis persilatan, sama ada persembahan kesenian atau olahraga, dapat menghubungi Persisi yang bertindak sebagai badan pengawal (*controlling body*) dan mengaturkan segala rupa pertandingan.

Persisi tetap menjaga nilai-nilai dan mutu silat, tetapi apa yang terdapat pada ketika itu adalah kelemahan dari pesilat itu sendiri dan perguruannya.

Johari H.M. Uriff,
Setiausaha Agung Persisi.

Kerabat Persisi digesa jangan penting diri

14 SEP 1981

PENCAK SILAT
BADAN-BADAN kerabat Persekutuan Silat Singapura (Persisi) digesa supaya jangan menganggap bahawa diri mereka hanya sebagai wakil kerana ini boleh merosakkan kelicinan jawatankuasa pusat.

Anggapan seperti ini, akan membuat badan-badan itu bersikap mementingkan persatuan masing-masing.

Haji Ya'acob Mohamed, Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke India, menggesa demikian di mesyuarat agung Persisi dwitahunan, yang berlangsung di Balai Rakyat Eunos Crescent semalam.

Katanya, terdapat kerabat-kerabat Persisi yang menerima undangan untuk menyertai pertunjukan seni mempertahankan diri misalnya, tanpa merujuk terlebih dulu kepada jawatankuasa pusat.

"Hal-hal seperti ini, sepatutnya dirujuk kepada pihak pentadbir pusat, supaya dapat diselaraskan segala kegiatan dalam usaha menjaga dan menaikkan nama seni warisan kita," katanya.

Menampung belanja

Awal dari ini, Haji Ya'acob telah menarik perhatian atas segala usaha yang telah dilaksanakan oleh Persisi, termasuk kerugian yang dialami dalam menganjurkan ekspo dan *Pesta Seni Silat Tiga Negara*.

"Walaupun Persisi dapat menampung segala perbelanjaan tanpa berhutang, tetapi perkara demikian janganlah berulang lagi di masa depan," ujarnya.

Katanya, pihak penganjur mestilah bersikap tegas dan jangan bertolak ansur sebagaimana yang berlaku sewaktu pesta itu dulu, di mana jumlah peserta yang ditetapkan telah berganda banyaknya, sedangkan segala perbelanjaan terpaksa ditanggung oleh pihak penganjur sendiri.

Turut hadir di mesyuarat itu ialah Setiausaha Parlimen (Perdagangan dan Perusahaan merangkap Halehwal Masyarakat), Encik Sidek Saniff.

Haji Ya'acob telah dilantik semula sebagai presiden Jawatankuasa pentadbir Persisi bagi 1981/82 dan timbalannya Encik Sidek.

Lain-lain anggota ialah Encik-Encik A.Rahim Dayan sebagai naib presiden, Johari Uriff sebagai setiausaha agung, Ariff Haji Zahari sebagai naibnya, Ismaon Haji Ali sebagai bendahari dan Jaafar Haji Yaakub sebagai penolongnya.

Tujuh orang ahli jawatankuasa biasa yang dipilih ialah Encik-encik Mohd Seain Madsom, M. Rafi Burmawi, A. Rahman Ismail, Salman Simin, A.A. Latiff, Haji Abdullah Awang dan Rosenani Keenan.

Ahli Silat Lincch diingot waspada pada anasir jahat

21 SEP 1981

PENCAK SILAT
SEPANG, AMAD — Ahli-ahli Silat Lincch di seluruh negara diingotkan berhati-hati terhadap anasir jahat yang cuba menjadikan pertubuhan itu sebagai batu loncatan untuk kepentingan diri sendiri.

Timbalan kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali berkata, imej pertubuhan seni mempertahankan diri akan terjejas jika gejala-gejala buruk yang hendak merosakkan kesucian pertubuhan itu dibiarkan terus meresap.

Sesebuah pertubuhan yang besar seperti Pertubuhan Seni Silat Lincch yang mempunyai lebih 80,000 ahli tentulah menjadi sasaran utama pihak-pihak yang hendak mengambil kesempatan mencari pengaruh.

Semasa berucap merasmikan gelanggang Silat Lincch kawasan Dengkil malam ini, beliau juga mengesyorkan supaya satu sistem kawalan dibentuk untuk meng-

awasi kegiatan ahli-ahli pertubuhan itu tidak menyeleweng dari konsep pergerakan.

Beliau menasihatkan ahli-ahli pertubuhan itu tidak menggunakan seni silat untuk tujuan-tujuan jahat atau untuk menganiaya orang lain.

Kira-kira 300 orang ahli Seni Silat Lincch kawasan tersebut turut hadir. — Bernama.